

**SCRIPTURE QUOTE
TO MEMORISE:**

Kerana itu
Aku berkata
kepadamu: apa
saja yang kamu
minta dan
doakan,
percayalah
bahwa kamu
telah
menerima,
maka hal itu
akan diberikan
kepadamu.

(Markus 11:24)

Dalam Keluaran, kita membaca tentang tangan Musa (mengangkat tongkatnya kepada Tuhan) secara berterusan sehingga pertempuran dimenangi melawan orang Amalek. Apabila Musa lelah, Harun dan Hur meletakkan batu untuk dia duduk, dan menyokong lengannya, satu di setiap sisi.

Inilah yang perlu kita jadikan sebagai komuniti yang beriman: bertekun dalam doa, bersandar di antara satu sama lain, dan tetap teguh sambil mempercayai bahawa '*pertolongan kita adalah daripada Tuhan, yang menjadikan langit dan bumi*'.

Bagaimakah kita tetap teguh dan terus menaruh kepercayaan kepada Tuhan? Dalam suratnya yang kedua kepada Timotius dalam 3:14-3:2 Santo Paulus menunjukkan kita kepada Kitab Suci. "Ia diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Melalui Kitab Suci, tiap-tiap manusia kepunyaan Allah diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik." Paulus mengajar kita untuk setia kepada Firman Allah yang telah diturunkan kepada kita sama seperti Timotius telah diajar iman sejak bayi.

Salah satu kisah perubahan terbesar ialah yang pernah diceritakan ialah Santo Agustinus—354–430 AD. Ibunya, Santa Monica membesarkannya sebagai seorang Kristian, tetapi Agustinus tidak mengamalkan kepercayaannya sehingga dia berumur 33 tahun. Santa Monica mengharungi banyak ujian dengan kesabaran dan kelembutan dan doanya yang tidak putus-putus akhirnya menyaksikan pertobatan Agustinus setahun sebelum dia meninggal dunia. Pertobatan Agustinus dan perjuangan dalamannya boleh dibaca dari "Confessions".

Santo Agustinus berdoa, '*Engkau telah menjadikan kami untuk DiriMu sendiri, dan hati kami gelisah sehingga ia berdiam di dalam DiriMu.*' Hari ini, jika kita berada dalam keadaan gelisah, marilah kita berdoa tanpa henti kepada Tuhan dan tinggal di dalam Dia. Kita ingin dapat memberikan 'Ya' kepada Tuhan apabila Dia bertanya kepada kita, '*Apabila Anak Manusia datang, adakah Dia akan menemukan iman di dunia?*'

Semoga damai Kristus memenuhi hati kita. ♦

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Keluaran 17: 8-13;

Mazmur 120: 1-8;

2 Timotius 3:14 – 4:2;

Lukas 18: 1-8.

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-29

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

**FOKUS BULANAN:
PESTA PERAWAN MARIA, RATU ROSARIO (7 OKTOBER)**

BERDOA TANPA HENTI-HENTI DAN JANGAN BERPUTUS ASA

Melalui perumpamaan tentang janda yang gigih yang akhirnya mendapat perhatian hakim untuk menjatuhkan hukuman yang memihak kepadanya, Yesus mengajar kita untuk mempunyai keberanian dan ketabahan dalam iman. Tuhan kita tahu betapa mudahnya kita berputus asa terutama apabila kita menghadapi cabaran dalam hidup. Kitab Suci memberitahu kita hari ini bahawa **selagi kita mempercayai Tuhan, dan kita bersandar pada orang lain untuk mendapatkan sokongan, kita akan mengatasi segala rintangan.**

